



SYARAT-SYARAT UMUM

1. Anugerah ini mula diperkenalkan pada konvensyen 2017 untuk mengiktiraf dan menghargai individu yang berkelayakan yang telah memberikan sumbangan signifikan dalam aktiviti penambahbaikan kualiti sama ada di peringkat hospital/klinik/negeri/kebangsaan/antarabangsa.
2. Terdapat 2 kategori anugerah bagi *QA/QI Champion* iaitu Anugerah *QA/QI Champion* dan Anugerah *Young QA/QI Champion*.
3. Syarat-syarat pencalonan adalah:
 - 3.1 Terbuka kepada **warga sistem kesihatan negara** dari semua peringkat dan sektor kesihatan sama ada sektor awam ataupun swasta, tertakluk kepada ketokohan dan penglibatan dalam bidang pendekatan QA/QI sahaja.
 - 3.2 Pencalonan berulang hanya dibenarkan selepas **dua** konvensyen berturut-turut. Sebagai contoh, bagi pencalonan Konvensyen 2026, penerima anugerah pada 2022 dan 2024 adalah tidak layak untuk dicalonkan semula.
 - 3.3 Bagi Anugerah *Young QA/QI Champion*, calon mestilah berumur 40 tahun dan ke bawah.

KRITERIA PENCALONAN

4. Kriteria pencalonan adalah seperti berikut:
 - 4.1 *Kepimpinan (Leadership in quality)*:

Mempamerkan ciri-ciri kepimpinan dan nilai murni yang mampu memotivasi dan menarik minat lebih ramai anggota untuk melibatkan diri dalam aktiviti penambahbaikan kualiti di peringkat hospital/klinik/negeri/kebangsaan/antarabangsa termasuklah dilantik untuk memegang sebarang jawatan dalam Jawatankuasa (JK)/Unit Kualiti di pelbagai peringkat. Sebagai contoh lantikan sebagai Pengerusi JK QA di peringkat hospital.
 - 4.2 *Kepakaran teknikal (Technical expert in quality)*:

Diiktiraf sebagai mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam aktiviti penambahbaikan kualiti sama ada di peringkat hospital/klinik/negeri/kebangsaan/antarabangsa. Ini termasuklah:
 - 4.2.1 Aktif dalam melaksanakan aktiviti/projek kualiti
 - 4.2.2 Berkeupayaan dan aktif dalam memberikan latihan dan membimbing lebih ramai anggota untuk melaksanakan aktiviti/projek kualiti
 - 4.2.3 Aktif dalam membentangkan hasil aktiviti/projek kualiti di pelbagai peringkat
 - 4.2.4 Aktif dalam mempromosikan pelaksanaan/replikasi projek kualiti
 - 4.2.5 Diiktiraf sebagai pakar rujuk (*expert*) untuk aktiviti penambahbaikan kualiti
 - 4.2.6 Dijemput sebagai penceramah/panel untuk aktiviti penambahbaikan kualiti
 - 4.2.7 Aktif dalam penerbitan/penulisan hasil aktiviti/projek kualiti dalam pelbagai medium
 - 4.2.8 Dilantik sebagai *reviewer/editor* bagi jurnal kualiti tempatan atau antarabangsa

- 4.2.9 Senarai penglibatan dalam projek kualiti, latihan / kursus dan penerbitan adalah untuk tempoh lima (5) tahun terkini.

LANGKAH-LANGKAH PENCALONAN


5. Langkah-langkah untuk pencalonan (Rajah 1);
 - 5.1 Pendaftaran calon hanya boleh dilakukan melalui laman sesawang rasmi Konvensyen QA Kebangsaan 2024: <https://qaconvention.nih.gov.my> bermula **1 Mac 2026 sehingga 4 Mei 2026**. Pendaftaran selepas 4 Mei 2026 akan ditolak.
 - 5.2 **Borang Persetujuan Pencalonan**
Muat turun dan lengkapkan Borang Persetujuan Pencalonan Anugerah QA/QI Champion (Lampiran A2).
 - 5.3 **Borang Pencalonan QA/QI Champion**
Lengkapkan Borang Pencalonan QA/QI Champion di laman sesawang rasmi konvensyen termasuk memuat naik Borang Persetujuan Pencalonan (item 5.2).
 - 5.4 **Maklumat penglibatan aktiviti penambahbaikan kualiti**
 - 5.4.1 Log masuk ke laman sesawang menggunakan nombor kad pengenalan yang telah didaftarkan
 - 5.4.2 Lengkapkan maklumat penglibatan dalam aktiviti penambahbaikan kualiti QA/QI dalam laman sesawang rasmi konvensyen.
 - 5.4.3 Setiap calon perlu menyediakan kompilasi dokumen sokongan bagi setiap penglibatan yang dinyatakan; sama ada dalam bentuk sijil penyertaan, surat lantikan rasmi atau lain-lain, dan muat naik di storan awan (seperti *Google Drive*). Pautan bagi mengakses kompilasi dokumen sokongan tersebut perlu dinyatakan dalam ruang yang disediakan.
 - 5.4.4 Calon juga perlu melengkapkan maklumat bagi dua (2) pegawai rujukan yang boleh memberikan rekomendasi dan maklumat tambahan berkaitan penglibatan calon dalam aktiviti QA/QI.
 - 5.4.5 Klik Hantar setelah semua maklumat dilengkapkan.
 - 5.5 Semua maklumat berkaitan pencalonan boleh dikemaskini dalam laman sesawang sebelum tarikh akhir yang ditetapkan. Pastikan kesemua item (5.2 hingga 5.4) telah dilengkapkan sebelum atau pada **4 Mei 2026**.
6. Saringan akan dijalankan oleh urus setia dan penilaian akan dibuat oleh Jawatankuasa Induk Konvensyen berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Sebarang keputusan adalah **muktamad**. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.
7. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak penganjur melalui e-mel ataupun nombor telefon:

Pencalonan Anugerah QA/QI Champion:

Urus setia QA Konvensyen Kebangsaan Kali Ke-13, 2026

(gasecretariat@moh.gov.my)

Tel: 03-33628521 / 8510



Rajah 1: Carta alir pencalonan Anugerah QA/QI *Champion* sempena Konvensyen QA Kebangsaan kali ke-13, 2026